



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
05 SEPTEMBER 2018 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Utusan Malaysia

- | | |
|--|----|
| - Audit kerja penyelenggaraan jejantas | 23 |
|--|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
05 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Audit kerja penyelenggaraan jejantas
Muka Surat	23

UTUSAN KOTA 23

4/5/18 n/523.

Audit kerja penyelenggaraan jejantas

KUALA LUMPUR 4 Sept. - Pihak berkuasa tempatan (PBT) serta pengendali kemudahan pengangkutan awam di negara ini perlu melaksanakan amalan audit terhadap kerja-kerja penyelenggaraan jejantas bagi memastikan kemudahan itu selamat untuk digunakan.

Aktivis sosial, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, penyelenggaraan dan pemantauan secara berkala perlu dilaksana untuk memastikan tahap keselamatan jejantas pejalan kaki berada dalam keadaan selamat.

Katanya, pelaksanaan audit penyelenggaraan itu dapat memudahkan sebarang kerosakan dikeisan dan tindakan membaiki dan menyelenggara dapat dilakukan segera.

"Pelbagai rungutan sering didengari berkenaan keadaan jejantas yang uzur tanpa penyelenggaraan selain kotor dan kerap menjadi

mangsa perbuatan vandalisme oleh pihak tidak bertanggungjawab.

"Keadaan besi penghadang tercabut serta bumbung jejantas bocor adalah antara isu yang perlu ditangani segera oleh PBT selain membaiki pencahaayaan melalui pemasangan lampu yang mencukupi," katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan *Utusan Malaysia* baru-baru ini mengenai keboceoran bumbung jejantas di

Stesen Komuter Serdang ke Taman Muhibah, Seri Kembangan yang sudah lama berlalu.

Menurut Lam Thye lagi, keadaan kotor pada laluan jejantas selain menjadi 'sarang' pengemis dan gelandangan menyebabkan orang ramai berasa tidak selesa dan selamat.

"Kebanyakan jejantas juga berada dalam keadaan gelap akibat perbuatan individu tidak bertanggungjawab merosakkan lampu yang dipasang di situ," katanya.



Bumbung jejantas akan dibaik pulih

KUALA LUMPUR 4 Sept. - Projek baik pulih jejantas yang menghubungkan Stesen Komuter Serdang ke Taman Muhibah kini telah disenaraikan dalam kerja-kerja tambahan Projek Pembinaan Park Way Drop Zone (PDZ) stesen tersebut.

Pegawai perhubungan awam (PRO) Perbadanan Aset Keretaapi (RAC), Ane Salfarizan Mispa-

MAKUM BALAS

ni berkata, pihaknya kini dalam proses perolehan melalik kontraktor yang berkelayakan bagi melaksanakan kerja-kerja tersebut.

"Dijangka kerja-kerja pembaikan ini akan mula dilaksan-

akan setelah mendapat kelulusan teknikal daripada pihak berkuasa tempatan.

"Selain jejantas itu, kerja tambahan lain yang turut melibatkan pembinaan hentian bas berbumbung dan pemasangan bumbung pada tempat letak motorsikal sedia ada akan dijalankan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.